

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Pertama
Sidang 1991/1992

Oktober/November 1991

BST 421/3: EKOLOGI SUMBER ALAM

Masa: [3 jam]

Jawab LIMA daripada ENAM soalan.

Tiap-tiap soalan bernilai 20 markah.

(BST 421/3)

1. Sumber tanah boleh mengalami proses kemerosotan daripada segi kualitinya. Senaraikan faktor-faktor yang bertanggungjawab dan jelaskan implikasi setiap satunya.

(20 markah)

2. Tuliskan nota-nota pendek mengenai dua perkara berikut:

- (a) Konsep "pengurusan sumber"
- (b) Penggunaan berpanjangan
- (c) Sumber tenaga gantian

(20 markah)

3. Anda telah dilantik oleh Jabatan Perdana Menteri untuk merumuskan suatu "Dasar Pertanian Tahun 2010" oleh kerana dasar yang ada pada masa kini didapati tidak lagi sesuai. Bincangkan aspek-aspek yang anda fikir perlu diambilkira dan berikan justifikasi yang sewajarnya.

(20 markah)

4. Menjelang tahun 2000, Malaysia dikatakan akan menjadi suatu negara pengimport kayu balak. Berdasarkan apakah rumusan ini dibuat? Apakah pula langkah-langkah yang perlu diambil bagi memastikan sumber ini tidak akan kehabisan?

(20 markah)

(BST 421/3)

5. Hakisan tanah merupakan masalah yang melanda banyak buah negara dunia ketiga hari ini. Berdasarkan komponen-komponen persamaan kehilangan tanah sejagat (Universal soil loss equation), apakah faktor-faktor yang mendorong hakisan tanah? Apakah langkah-langkah pemuliharaan tanah yang harus diambil bagi mengawal hakisan?

(20 markah)

6. Apakah langkah-langkah yang perlu diambil bagi mengawal sumber air daripada dicemari? Bincangkan.

(20 markah)

-ooo0ooo-